



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERKENAAN

MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN  
PELAJAR PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN TAHUN 2018/1439

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR  
DARUL QURAN JAKIM  
PADA 3 FEBRUARI 2018

---

Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar adalah merupakan program kedua terbesar bagi pelajar-pelajar Darul Quran selepas Majlis Istiadat Konvokesyen.

2. Pada tahun ini, seramai 233 orang pelajar (140 orang lelaki dan 93 orang perempuan) dari enam syukbah atau bidang pengajian yang ditawarkan iaitu Syukbah Qiraat, Syukbah Dakwah, Syukbah Syariah, Syukbah Hadith, Syukbah Muamalah dan Syukbah Pengurusan Halal telah diraikan dalam majlis ini.

3. Dari 233 orang pelajar ini Program Diploma Tahfiz Al-Quran ini, terdapat sembilan orang pelajar-pelajar luar negara iaitu:

- i. Brunei = 3 orang
- ii. Kemboja = 3 orang
- iii. Thailand = 1 orang
- iv. Singapura = 2 orang

4. 233 orang pelajar ini merupakan pelajar-pelajar yang telah berjaya menghafaz 30 juzu' al-Quran serta telah lulus dalam peperiksaan Hifz Al-Quran dari Semester Satu sehingga Semester Lima.

5. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kesemua pelajar yang diraikan pada hari ini.

Sekian

TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

3 Februari 2018

---

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan  
Darul Quran Jakim  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan